

UPM kembali fokus pertanian

27

KUALA LUMPUR: Universiti Putra Malaysia (UPM) akan memberi keutamaan menawarkan semula program pengajian dalam jurusan pertanian sejajar langkah kerajaan memberi penekanan terhadap sektor itu bagi menjana pendapatan serta memacu ekonomi masyarakat Melayu di luar bandar.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, berkata langkah itu penting bagi mencapai hasrat dan matlamat membantu orang Melayu yang kebanyakannya terbabit dalam kegiatan pertanian.

Sehubungan itu, katanya, beliau sudah memanggil semua profesor di universiti berkenaan dan mengarahkan mereka turun padang menghayati serta merasai degup jantung orang kampung.

"Dengan kuasa yang diberikan kepada saya oleh pucuk pimpinan dan dengan perkenan Presiden (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) dan Timbalan Presiden (Datuk Seri Najib Razak), saya akan mengembalikan semula UPM kepada pertanian supaya dapat membantu orang Melayu," katanya ketika menggulung perbahasan.

Dr Shafie juga mengulangi jaminan kementerian tidak akan membenarkan pelajar bukan Bumiputera memasuki Universiti Teknologi Mara (UiTM) serta tidak akan berkompromi berhubung perkara itu.

Beliau turut menolak cadangan menuhkan semula Institut Teknologi Mara (ITM), sebaliknya berkata, bidang pengajian yang ditawarkan di UiTM boleh ditambah kerana universiti itu yang berasal

dari ITM boleh menawarkan kursus pada pelbagai peringkat termasuk sijil dan diploma.

"Tidak perlu ITM ditubuhkan semula dan diletakkan di bawah agensi seperti Mara, sebaliknya UiTM tetap boleh beroperasi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi bagi mencapai matlamat melahirkan lebih ramai profesional lulusan diploma," katanya.

Mengenai isu meritokrasi dalam pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), beliau berkata, selepas tiga tahun dasar itu dilaksanakan, kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi itu setiap tahun melebihi kadar 55 peratus yang ditetapkan sebelum ini menerusi sistem kuota.

Katanya, pada 2002 sebanyak 62 peratus Bumiputera berjaya memasuki IPTA, manakala pada 2003 pula, 63 peratus dan tahun ini 64 peratus.

Malah, pengambilan pelajar Bumiputera dalam bidang pengajian kritikal juga semakin bertambah sejak dasar itu dilaksanakan.

Misalnya, 56.4 peratus pelajar Bumiputera memasuki kursus perubatan tahun ini, pergigian (58.9 peratus), kejuruteraan elektronik (72.8 peratus), kejuruteraan kimia (63.4 peratus), kejuruteraan mekanikal (57.4 peratus) dan perakaunan (57.5 peratus).

"Selagi saya menjadi Menteri Pengajian Tinggi, saya akan pastikan kuota untuk Melayu memasuki institusi pengajian tinggi akan dilebihkan," katanya.